

PRESIDEN KETIGA AMERIKA SYARIKAT, THOMAS JEFFERSON PERNAH BERKATA: "JANGAN BELANJAKAN WANG ANDA SEBELUM ANDA BENAR-BENAR MEMILIKINYA!"

Apa yang dimaksudkan dengan kata-katanya itu? Kebiasaannya setiap hujung tahun atau awal tahun, kebanyakan syarikat swasta mahupun kerajaan akan memberikan bonus sebagai ganjaran tambahan kepada pekerja.

Memikirkan wang yang akan didapati ini, mungkin ramai daripada kita yang sudah membuat perancangan apa yang akan dibuat dengan wang yang bakal diterima ini.

Ada yang merancang menggunakan duit bonus ini untuk melunaskan bayaran kad kredit, mengurangkan baki pinjaman peribadi dengan mana-mana institusi kewangan. Atau ada juga yang merancang untuk menjadikan bonus ini sebagai deposit kenderaan baru ataupun deposit rumah, menambah pelaburan sedia ada ataupun menggunakannya sebagai tabungan kecemasan.

Sekiranya perancangan anda adalah seperti perkara di atas, saya ucapkan syabas! Anda seorang yang bijak dalam menguruskan kewangan. Samada melunaskan baki kad kredit, mengurangkan baki pinjaman peribadi, menyediakan bayaran untuk deposit rumah ataupun menambah pelaburan sedia ada, ia membolehkan anda mencapai kedudukan kewangan yang mantap dan stabil dengan segera pada masa hadapan.

Anda sudah meletakkan keutamaan yang tepat, yang mana patut diutamakan melebihi yang lain. Bukan mudah untuk memilih melakukan tindakan sebegini kerana ramai dikalangan kita sering terpengaruh dengan pelbagai tawaran menarik akhir tahun.

Justeru, ramai yang sanggup berbelanja awal, mengeluarkan simpanan atau menghabiskan wang yang ada untuk memiliki barangan yang dihajati dengan tanggapan tidak lama lagi mereka akan mendapat duit bonus dan boleh menggantikan perbelanjaan yang dibuat itu dengan duit yang bakal diterima.

Jika ini yang anda fikirkan, ia perancangan dan pilihan yang kurang tepat. Selagi wang

berkecuaian belum lagi berada di dalam akaun anda, ia bukan milik anda! Tunggu sehingga ia benar-benar masuk dalam akaun bank anda baru laksanakan apa yang telah dirancangan itu.

Dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang agak lembap ini, tidak banyak syarikat yang mampu memberikan bonus kecuali ia satu kontrak pekerjaan. Di mana-mana saja kedengaran rungutan masyarakat khususnya yang berpendapatan rendah, kos sara hidup yang semakin melambung tinggi membebankan mereka.

Sekiranya berada dalam situasi ini, bagaimana untuk menghadapi keadaan ini dan memastikan kedudukan kewangan anda terus sihat?

## TIGA PERKARA UTAMA YANG PERLU ANDA LAKUKAN:

### 1. TENTUKAN KEUTAMAAN PERBELANJAAN

Kategorikan perbelanjaan anda kepada perbelanjaan utama, perlu dan tidak perlu. Senaraikan semua perbelanjaan supaya anda mudah untuk melihat dan menentukan corak perbelanjaan anda setiap bulan. Daripada senarai perbelanjaan itu anda boleh klasifikasikan mana satu keperluan dan yang

mana satu keinginan. Untuk memilih antara barangan keperluan dan keinginan ini sangat mencabar. Namun anda harus bijak memilih dan menjinakkan keinginan yang sering menjadikan keinginan itu satu keperluan!

### 2. BERBELANJA MENGIKUT KEMAMPUAN

Perbelanjaan tidak seharusnya melebihi pendapatan. Sekiranya anda sudah mempunyai komitmen tetap setiap bulan sedangkan pendapatan tidak setera komitmen berkenaan, anda perlu cari langkah bagaimana untuk membesarkan kantung pendapatan. Lakukan aktiviti yang boleh menjana ekonomi ataupun kaji semula corak perbelanjaan anda dan kurangkan perbelanjaan tidak perlu.

### 3. RANCANG STRATEGI PENJIMATAN

Bagaimana anda boleh berjimat? Mungkin sudah sampai waktunya anda mula berkebuduan dengan menanam sayur-sayuran sendiri. Banyak kaedah kebun bandar yang boleh anda contohi daripada laman-laman sosial di internet. Anda boleh juga membeli barangan secara pukal dengan berpakat sesama jiran tetangga ataupun adik-beradik yang mana keadaan ini sangat menjimatkan. Atau anda juga boleh kitar semula barangan yang masih berguna.

Semua bergantung pada perancangan, kreativiti dan imaginasi anda.<sup>hb</sup>



Oleh: Suraiya Mohd Nor,  
(Perunding Kewangan Dan Pewarisan  
Harta Islam 013-3311981)  
suraiya@kausarwealth.com

# 3 CARA BERJIMAT Dalam Keadaan Ekonomi Gawat